

***Garis Panduan Perlindungan Sekolah dan Universiti daripada Tujuan Ketenteraan  
sewaktu Konflik Bersenjata***

Semua pihak terbabit dalam sesebuah konflik bersenjata digesa agar tidak menggunakan mana-mana sekolah dan universiti untuk sebarang tujuan yang bermotifkan ketenteraan. Walaupun terdapat beberapa pengecualian dalam undang-undang konflik bersenjata yang membolehkan penggunaan sesebuah sekolah atau universiti, semua pihak terbabit sewajarnya berusaha sedap mungkin bagi mengelakkan bahaya terhadap keselamatan dan pendidikan pelajar dengan berlatarkan garis panduan di bawah sebagai rangka tatacara amalan yang berhemah dan bertanggungjawab:

***Garis Panduan 1:*** Sesebuah sekolah dan universiti yang sedang berfungsi tidak sepatutnya digunakan oleh pihak berlawan dalam konflik bersenjata untuk apa-apa tujuan sekalipun yang bermotifkan ketenteraan.

(a) Prinsip ini turut merangkumi sekolah dan universiti yang ditutup buat sementara waktu, di luar sesi pembelajaran, ketika hari minggu dan cuti, dan ketika tempoh rehat.

(b) Pihak terbabit dalam konflik bersenjata tidak sepatutnya menggunakan paksaan atau menawarkan sesuatu insentif kepada pentadbir sekolah dan universiti untuk meninggalkan atau mengosongkan bangunan sekolah dan universiti untuk tujuan ketenteraan.

***Garis Panduan 2:*** Sekolah dan universiti yang telah ditinggalkan atau dikosongkan lantaran bahaya yang timbul daripada konflik bersenjata tidak sepatutnya digunakan oleh pihak terbabit dalam konflik bersenjata bagi sebarang tujuan ketenteraan, kecuali jika tercetus keadaan yang memaksa sehinggakan tiada pilihan lain, dan tiada cara lain yang lebih baik dan sesuai berbanding penggunaan sekolah dan universiti berkenaan bagi motif ketenteraan. Bangunan-bangunan lain sepatutnya dilihat sebagai pilihan yang lebih baik dan lebih sesuai berbanding bangunan sekolah dan universiti, walaupun jika kedudukan atau keadaan bangunan lain tersebut kurang strategik berbanding kedudukan atau keadaan sekolah dan universiti berkenaan. Hal yang demikian ini kecuali apabila bangunan-bangunan lain tersebut telah diwartakan sebagai bangunan khas yang dilindungi di bawah undang-undang khusus kemanusiaan antarabangsa (cth. hospital), serta wujudnya pertimbangan lain yang perlu diambil kira oleh pihak terbabit dalam konflik bersenjata tersebut, iaitu untuk melindungi orang awam daripada diserang ketika konflik tercetus.

(a) Jika keadaan memaksa penggunaan sekolah dan universiti yang telah ditinggalkan atau dikosongkan, penggunaannya haruslah untuk suatu tempoh seminimum mungkin.

(b) Sekolah dan universiti yang telah ditinggalkan atau dikosongkan, lalu diambil alih pihak berlawan dalam konflik bersenjata bagi tujuan ketenteraan perlu dikembalikan bagi membolehkan pihak berkuasa pendidikan membuka semula bangunan tersebut sebaik sahaja keadaan mengizinkan, iaitu selepas pihak terbabit dalam konflik bersenjata berundur dari bangunan berkenaan. Selain itu, bangunan mesti dikembalikan tanpa sebarang risiko bahaya yang boleh menggugat keselamatan pelajar dan kakitangan sekolah dan universiti.

(c) Sebarang kesan, bekas atau tanda penenteraan atau perkubuan yang telah dibina di atas bangunan sekolah dan universiti perlu dibuang dan disingkirkan sepenuhnya sebaik sahaja pihak berlawan dalam konflik bersenjata telah mengundurkan diri. Pembaikan dan pemulihan ke atas bangunan dan infrastruktur institusi berkenaan perlu dilakukan jika terdapat sebarang kerosakan. Paling penting, semua alat perang, senjata dan bahan letupan tak lepas (UO) atau saki-baki dan sisa perang perlu dibuang dari bangunan berkenaan.

**Garis Panduan 3:** Sekolah dan universiti sama sekali tidak boleh dirosakkan atau dirobohkan sebagai kaedah mengelakkan pihak lawan dalam konflik bersenjata daripada menggunakan bangunan tersebut pada waktu akan datang. Sekolah dan universiti—sama ada ketika sesi sedang berjalan, atau ketika ditutup sehari-hari atau ketika cuti, malah, jika telah dikosongkan atau ditinggalkan sekalipun, masih tetap menjadi milik dan objek awam.

**Garis Panduan 4:** Sekiranya sesebuah bangunan sekolah dan universiti digunakan oleh pihak berlawanan dalam konflik bersenjata bagi tujuan ketenteraan, dan penggunaannya menjadikan sekolah dan universiti berkenaan sebagai sasaran serangan tentera, semua pihak terbabit dalam konflik bersenjata sepatutnya mempertimbangkan langkah alternatif lain yang lebih sesuai sebelum menyerang sekolah dan universiti tersebut. Pertimbangan yang dimaksudkan termasuklah, mengeluarkan amaran kepada pihak lawan sebelum menyerang, kecuali jika pihak lawan bersetuju menghentikan penggunaan sekolah dan universiti tersebut. Pengecualian hanya akan dibenarkan sekiranya keadaan tidak mengizinkan amaran tersebut dikeluarkan.

(a) Sebelum menyerang mana-mana sekolah yang telah dikenal pasti sebagai sasaran, pihak terbabit dalam konflik bersenjata wajar mempertimbangkan hak istimewa kanak-kanak terhadap perlindungan dan layanan berhemah. Selain itu, pihak terbabit dalam konflik bersenjata juga harus mempertimbangkan kesan jangka masa panjang yang bakal menimpa masyarakat yang terkesan akibat peluang pendidikan mereka yang telah terjejas lantaran kerosakan dan kehancuran sekolah.

(b) Pihak berlawanan yang menawan sesebuah sekolah atau universiti yang telah digunakan oleh musuhnya dalam konflik bersenjata bagi motif ketenteraannya tidak sepatutnya meneruskan penggunaan sekolah atau universiti tersebut bagi tujuan ketenteraannya pula. Sebaik sahaja keadaan mengizinkan, sebarang bukti atau bekas penenteraan atau perkubuan perlu dibuang dan disingkirkan, dan bangunan tersebut perlu dikembalikan kepada pentadbir pendidikan bagi tujuan pendidikan dan pembelajaran.

**Garis Panduan 5:** Pihak berlawanan yang terbabit dalam konflik bersenjata tidak sepatutnya diambil sebagai kakitangan keselamatan bagi melindungi sekolah dan universiti, kecuali jika tiada pilihan lain. Sedapat mungkin, kakitangan awam yang terlatih adalah lebih sesuai diambil bagi tujuan keselamatan sekolah dan universiti berkenaan. Jika perlu, murid-murid, para pelajar dan kakitangan sekolah dan universiti perlu dipindahkan ke lokasi yang lebih selamat.

(a) Sekiranya pihak berlawanan terpaksa juga diambil bagi tujuan keselamatan melibatkan sekolah dan universiti, keberadaan mereka dalam kawasan atau bangunan seboleh-bolehnya dielakkan bagi memastikan status awam sekolah dan universiti tidak tergugat, sekali gus membahayakan persekitaran pembelajaran.

**Garis Panduan 6:** Semua pihak terbabit dalam konflik bersenjata disarankan agar menerima pakai dan menerapkan Garis Panduan ini dalam semua saluran sebaran mereka, sebagai contoh, doktrin, manual ketenteraan, tatacara perlibatan, perintah pengoperasian dan dokumen-dokumen terpakai ketenteraan yang lain, bertujuan untuk menggalakkan amalan berhemah ini dalam rantai perintah dan bidang kuasa pihak terbabit. Oleh itu, pihak terbabit dalam sesebuah konflik bersenjata seharusnya menetapkan kaedah terbaik bagi melaksanakan Garis Panduan ini.